

hits

# DA'I MUSIM KETIGA LEBIH MATANG

Persediaan sebagai pendakwah di masa depan

USTAZ KAZIM ELIAS (kanan) menyampaikan trofi kepada Hamidah yang muncul sebagai juara program Da'i.



buletin

**P**ERBEZAAN pendapat antara Datuk Ustaz Kazim Elias dan Ustaz Harryanto Rizal Rokman di pentas akhir Da'i tempoh hari sedikit sebanyak mencerminkan bagaimana program ini membantu masyarakat memahami bagaimana sebenarnya tanggungjawab seorang penceramah.

Walaupun pada kesudahan program itu, Ustaz Kazim dan Ustaz Harryanto sendiri tidak menunjukkan sebarang emosi berlainan, namun kesungguhan mereka dalam memastikan tiada kekeliruan yang berlaku dalam menyampaikan ilmu agama seharusnya dipuji.

Itu salah satu adegan yang mencorakkan pentas akhir Da'i musim ketiga tempoh hari dimenangi Hamidah Ab Razak dari Kedah, ternyata pertandingan seperti ini tidak sekadar mencari pemenang tetapi juga penceramah agama muda yang mampu menjadi ikon remaja Islam di negara ini. Hamidah, 23, berjaya membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM50,000 berserta trofi, pakej umrah dan saham PNB selepas mengutip markah keseluruhan sebanyak 85.9 peratus.

Pada pentas akhir itu juga Hamidah turut ditemani dua lagi peserta iaitu Hidayu dan Fuad. Ketiga-tiga mereka pada malam itu diminta menyampaikan tazkirah dengan tajuk pilihan masing-masing bertemakan amanah.

Hamidah ternyata lebih menonjol menerusi tazkirah berjudul *Aku Pendosa Juga Ingin ke Syurga*, berbanding Fuad melalui tazkirah *Benarkah Kita Cinta Rasulullah* dan Hidayu *Tercabut Rasa Bertuhan*. Bagaimanapun tidak dinafikan ketiga-tiga peserta malam itu nampak cukup bersemangat dalam meneruskan perjuangan mereka.

Sebelum mengumumkan pemenang utama pada malam itu, pada juri juga sebulat suara untuk menyingkirkan Hidayu memandangkan dia menerima



HAMIDAH (tengah) bersama pemenang tempat kedua, Hidayu dan Fuad yang menduduki tempat ketiga program Da'i, baru-baru ini.

jumlah markah terendah. Meninggalkan ujian terakhir kepada Hamidah dan Fuad cabaran terakhir mereka memerlukan penonton sendiri bertanyakan soalan secara spontan.

Kala ini ujian dilihat sedikit sukar memandangkan juri pada malam itu mahu melihat bagaimana situasi seperti itu memerlukan dua Da'i itu menjawab soalan yang dikemukakan orang awam dengan tepat dan pada masa yang sama mudah difahami. Walaupun kedua mereka dapat menjawab dengan baik namun kelihatan, Hamidah lebih bersahaja menjawab yang dalam pada masa yang sama turut tidak lepas menggunakan dialek utara dalam mempamerkan situasi santai dirinya menjawab.

Bercakap mengenai kemenangannya, amidah mengakui, bagaimana di permulaan program ini dia sedikit sebanyak terganggu dengan kesihatan ayahnya yang tidak begitu baik. Bagaimanapun melalui segala cabaran dengan baik, dia sangat bersyukur

untuk dipilih menjadi juara Da'i musim ketiga.

"Bagaimanapun memang bukan niat saya untuk memasuki program ini untuk memang tetapi berkongsi ilmu.

"Tetapi dengan kemenangan ini saya yakin Allah pilih saya untuk berada di peringkat ini," katanya ringkas.

Merupakan pelajar di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam bidang Pengajian Akidah dan Agama, jelas Hamidah, selepas ini dia hanya akan memberi fokus buat pengajiannya dahulu.

"Saya mempunyai baki dua tahun pengajian lagi, di USIM dalam bidang Akidah dan Agama.

"Sebenarnya saya meminati bidang penulisan, mungkin dengan peluang menjadi penulis jemputan di majalah I akan memberi pengalaman yang baik buat saya sendiri," katanya yang akan menggunakan peluang sebaik mungkin.

Menjadi peserta tunggal lelaki dalam pentas akhir, pada mulanya Fuad menjadi pilihan untuk memenangi Da'i musim ketiga ini. Namun walaupun tewas di tempat kedua, jejak yang berasal dari Selangor ini tetapi bersyukur.

"Bukan soal menang atau kalah tetapi saya sudah melakukan yang terbaik," katanya.

Sementara itu, Hidayu pula melihat perjuangannya dalam program ini lebih untuk memberitahu bagaimana bidang mendakwah yang dimonopoli kaum lelaki juga sebenarnya memerlukan pendakwah dari golongan wanita.

"Mungkin ada yang berpendapat bidang ini lebih sesuai untuk lelaki, tetapi ada juga baiknya untuk kaum wanita juga mengambil tempat sebagai penceramah," katanya yakin.

Pentas akhir kali ini juga turut dihadiri Erra Fazira, Memey Suhaiza dan beberapa artis lain selaku juri awam. Manakala juri tetap program ini pula yang mewakili 70% undian adalah Ustaz Harryanto dan Ustaz Syarhan Safie. Da'i yang bermula sejak 23 Ogos lalu menyaksikan 10 peserta iaitu lima lelaki dan lima perempuan. Memilih dua murabbi, iaitu Ustaz Kazim

Elias untuk membimbing kumpulan lelaki dan Dr. Rubiah untuk membimbing kumpulan wanita.

**Mungkin ada yang berpendapat bidang ini lebih sesuai untuk lelaki, tetapi ada juga baiknya untuk kaum wanita juga mengambil tempat sebagai penceramah."**